

PENDIDIKAN ISLAM TING 2

PELAJARAN 24: MALU PERISAI IMAN

SILI TULIS PADA KOTAK YANG DISEDIAKAN DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

1. Berikut ialah perasaan malu yang sepatutnya menjadi pegangan KECUALI _____

- A. Mendedahkan tubuh badan kepada khalayak ramai
- B. Bersopan santun
- C. Bercakap dengan lemah lembut
- D. Berkelakuan tidak mencolok mata

2. Antara sifat malu yang dituntut adalah ...

- I. Malu ke majlis ilmu
 - II. Malu melakukan maksiat
 - III. Malu meninggalkan perkara sunat
 - IV. Malu berucap di hadapan khalayak
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

3. Contoh malu belajar adalah _____

- A. Malu mengumpat
- B. Malu bercakap sopan
- C. Malu menjadi imam solat
- D. Malu mendampingi ulama

4. Orang yang tidak malu akan melakukan _____ tanpa segan.

- A. Maksiat
- B. Ketaatan
- C. Kebaikan
- D. Suruhan Allah S.W.T



5. Antara kepentingan malu adalah ...

- I. Benteng keimanan
 - II. Disisih masyarakat
 - III. Mendapat reda Allah S.W.T
 - IV. Menyerlahkan kecantikan akhlak
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV



6. Maksud malu dari segi bahasa adalah _____.

- A berasa aib
- B kembali kepada perasaan takut
- C kembali kepada perasaan fitrah atau rasa segan
- D perasaan yang tidak selesa untuk melakukan sesuatu perkara

7. Berikut adalah sifat malu yang dilarang kecuali

- A malu melakukan kebaikan
- B malu melakukan kejahatan
- C malu dalam menuntut ilmu
- D malu dalam melakukan perintah agama

Zaira malu untuk melakukan pembentangan mengenai riwayat hidup Rasulullah SAW di hadapan kelas.

8. Pernyataan berikut merujuk kepada sifat malu dalam _____.

- A malu dalam belajar
- B melakukan kebaikan
- C menegakkan kebenaran
- D melakukan perintah Allah SWT

9. Pilih pernyataan yang benar tentang kepentingan sifat malu.

- I Tidak malu untuk melakukan maksiat
 - II Menjadi benteng keimanan dalam diri
 - III Berlumba-lumba untuk mentaati perintah Allah SWT
 - IV Mudah melakukan perkara keji
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

10. Malu dari segi bahasa bermaksud kembali kepada perasaan _____.

- A malu melakukan keburukan
B fitrah dan rasa segan
C tidak mahu dihina
D malu untuk membuat kemungkaran

11. Seseorang yang mempunyai sifat malu mempunyai _____ dan ketenangan jiwa.

- A kebahagiaan
B kemuliaan
C ketakwaan
D keindahan

12. Malu digambarkan sebagai cerminan _____ diri seseorang.

- A maruah
B hidup
C ketakwaan
D kebaikan

13. Rasulullah SAW melakukan banyak _____ kerana malu kepada Allah SWT.

- A suruhan
B larangan
C ibadat
D dakwah

14. Antara berikut yang manakah sifat malu yang dituntut dalam Islam?

- I Malu melakukan maksiat
 - II Malu belajar
 - III Malu melakukan kebaikan
 - IV Malu melanggar perintah Allah
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV

D I dan IV

15. Berikut merupakan contoh sifat malu melakukan maksiat kecuali

- A berjudi
- B belajar
- C mengumpat
- D mengutuk rakan

Tidak menunaikan solat fardu

16. Pernyataan di atas merujuk sifat malu yang dituntut, iaitu _____.

- A malu melanggar perintah Allah SWT
- B malu melakukan perkara maksiat
- C malu melakukan perkara makruh
- D malu melakukan kebaikan

17. Konsep _____ telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam pemerintahannya.

- A berkumpul
- B syura
- C tolak ansur
- D bekerjasama

18. _____ dan ketaatan seseorang berkait rapat dengan sifat malu.

- A Keimanan
- B Kebahagiaan
- C Ketakwaan
- D Keberkatan

19. Sifat malu berperanan penting sebagai _____.

- A tanda ketaatan kepada Allah SWT
- B benteng keimanan
- C malu menepati kehendak syarak
- D tanda hamba yang bersyukur

20. Pilih maksud malu yang betul menurut istilah syarak.

- A Kembali kepada perasaan fitrah dan rasa segan membuat maksiat
- B Kembali kepada perasaan fitrah dan rasa segan elakukan sesuatu
- C Berasa aib untuk melakukan sesuatu yang buruk kerana ianya memalukan
- D Berasa aib untuk melakukan sesuatu yang buruk kerana tidak mahu dihina



21. Berikut ialah sifat malu yang dituntut dalam Islam kecuali
- A Malu untuk menghadiri majlis ilmu seperti ceramah agama.
 - B Malu melakukan perkara maksiat dan haram seperti berjudi.
 - C Malu meninggalkan perkara sunat seperti solat sunat rawatib.
 - D Malu melanggar perintah Allah SWT seperti tidak menunaikan solat.
22. Pilih contoh malu yang tepat berkaitan dengan malu melakukan kebaikan.
- A Malu membaca buku
 - B Malu menjadi imam solat
 - C Malu mendampingi ulama
 - D Malu berada di majlis ilmu

Malu ke majlis ilmu Malu bertanya jalan Malu bertanya guru.

23. Pernyataan di atas merujuk kepada sifat malu yang dilarang iaitu.
- A Malu belajar
 - B Malu yang dituntut
 - C Malu melakukan kebaikan
 - D Malu melakukan perintah Allah SWT.
24. Pilih pernyataan yang tepat berkaitan kepentingan sifat malu.
- I Mendapat keredaan daripada Allah SWT
 - II Menjauhkan diri daripada masyarakat
 - III Terhindar daripada melakukan maksiat
 - IV Mementingkan kehidupan ukhrawi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D I dan IV



BAHAGIAN B

1.(a) Tuliskan **(T)** bagi contoh **sifat malu yang dituntut** dan **(L)** bagi **sifat malu yang dilarang**.

	Pernyataan	(T)/(L)
i	Malu mengutuk rakan	
ii	Malu menjadi bilal	
iii	Malu memotong rumput di halaman rumah	
iv	Malu bercakap perkara tidak sopan	
v	Malu membantu guru	
vi	Malu untuk solat sunat	
vii	Malu untuk puasa Ramadan	
viii	Malu mengaku datuk	
ix	Malu tidak mempunyai kekasih	
x	Malu menziarahi guru sekolah rendah	

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang **betul**.

maksiat	berzina	amalan	ibadah	malu
---------	---------	--------	--------	------

- (i) Berasa aib untuk melakukan sesuatu yang buruk adalah maksud _____.
- (ii) Sifat malu seperti _____ adalah malu yang dituntut dalam Islam.
- (iii) Orang yang tidak mempunyai perasaan malu lebih cenderung untuk melakukan _____ tanpa segan silu.
- (iv) Orang yang malu akan berlumba-lumba untuk melakukan _____ yang diperintah oleh Allah SWT.

